

BERITA HARIAN

DATE: 26/10/2010

Gandakan usaha tarik pelaburan capai status negara maju

MALAYSIA perlu membuat perubahan ekonomi dalam rangka untuk mencapai kedudukan yang setara dengan kumpulan negara yang sudah mencapai status negara berpendapatan tinggi, pada 2020.

Bagaimanapun, usaha untuk mencapai aspirasi itu bukan mudah kerana jalan untuk mencapainya sangat

mencabar, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dalam laporan Program Transformasi Ekonomi: Hala Tuju untuk Malaysia, di Kuala Lumpur, semalam.

Najib berkata, dalam kedudukan Malaysia hari ini, jika rakyat tetap pada jalur yang sama, negara akan melalui jalan yang sukar untuk

terus meningkatkan pendidikan, kesihatan dan kualiti hidup.

“Namun, jika kita melipat gandakan usaha untuk menarik pelaburan, memacu peningkatan dalam produktiviti dan terus berinovasi, kita akan dapat bersaing dengan jayanya dalam ekonomi global dan mencapai status berpenda-

patan tinggi,” tambahnya.

Kerajaan, kata Perdana Menteri komited dalam mencapai visi negara dengan memperkenalkan dan melaksanakan program yang boleh memperkasakan ekonomi negara seperti Program Transformasi Ekonomi (ETP), Program Transformasi Kerajaan dan konsep 1Malaysia Rakyat Didahulukan

Pencapaian Diutamakan, serta persediaan asas Model Baru Ekonomi.

Beliau menegaskan, kerajaan akan memberi tumpuan terhadap bidang yang mana negara memiliki kelebihan daya saing dengan memberi keutamaan kepada pelaburan dana awam dan sokongan dasar untuk memacu pertumbuhan utama, seperti

12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA).

“Ini juga bermakna peranan kerajaan dalam pendekatan terhadap pertumbuhan ekonomi perlu ditukar daripada peneraju utama kepada penyokong dan pemudah cara, manakala pertumbuhan diterajui oleh sektor swasta,” katanya. - BERNA-MA